

XOFLUZA® FILM-COATED TABLET

Baloxavir marboxil (40mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan XOFLUZA
2. Bagaimana XOFLUZA berfungsi
3. Sebelum anda menggunakan XOFLUZA
4. Cara menggunakan XOFLUZA
5. Semasa anda menggunakan XOFLUZA
6. Kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan XOFLUZA
8. Penerangan Produk
9. Pengilang
10. Pemegang Pendaftaran Produk
11. Tarikh Kemas Kini
12. Nombor Siri

Apakah kegunaan XOFLUZA

XOFLUZA merupakan ubat preskripsi yang digunakan untuk:

- merawat selesema (influenza) pada golongan berumur 12 tahun dan ke atas yang mengalami simptom selesema selama tidak melebihi 48 jam.
- mencegah selesema pada golongan berumur 12 tahun dan ke atas selepas berhubung dengan orang yang menghadapi selesema.

Tidak diketahui sama ada XOFLUZA selamat dan berkesan untuk kanak-kanak berumur kurang daripada 12 tahun.

XOFLUZA tidak dapat merawat atau mencegah penyakit yang disebabkan oleh jangkitan selain daripada virus influenza.

XOFLUZA tidak menghalang jangkitan kuman yang mungkin berlaku dengan selesema.

Bagaimana XOFLUZA berfungsi

XOFLUZA menyekat sebahagian daripada virus influenza yang berperanan dalam penghasilan protein yang diperlukan untuk menghasilkan lebih banyak virus dalam sel tuan rumah. XOFLUZA mengganggu keupayaan virus selesema untuk membiak. XOFLUZA diambil sebagai dos tunggal sahaja.

Sebelum anda menggunakan XOFLUZA

- **Bila anda tidak boleh menggunakannya**

Jangan mengambil XOFLUZA jika:

1. anda mempunyai tindak balas alergi terhadap **baloxavir marboxil** atau mana-mana bahan dalam XOFLUZA. Rujuk senarai bahan kandungan dalam XOFLUZA pada bahagian akhir risalah ini.
2. bungkusan terkoyak atau menunjukkan tanda-tanda telah diusik
3. tarikh luput (EXP) yang dicetak pada pek telah tamat tempoh. Jika anda mengambil ubat ini selepas tarikh tamat tempoh, ia mungkin tidak akan berfungsi seperti yang diharapkan.
4. berbincang dengan doktor jika anda tidak pasti sama ada anda boleh mengambil XOFLUZA.

- **Sebelum anda mula menggunakannya**

Beritahu doktor anda jika:

1. anda hamil atau merancang untuk hamil. Tidak diketahui sama ada XOFLUZA membahayakan anak dalam kandungan.
2. anda menyusui badan atau merancang untuk menyusukan anak. Tidak diketahui sekiranya XOFLUZA boleh masuk ke dalam susu ibu.

- **Jika mengambil ubat-ubatan lain**

Sila beritahu doktor anda jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat preskripsi dan tanpa preskripsi, vitamin, dan makanan tambahan herba.

Maklumkan pada doktor sebelum anda menerima "flu vaccine", selepas anda mengambil XOFLUZA.

Jangan ambil XOFLUZA dengan produk tenusu, minuman berkalsium, julap, antacid atau suplemen oral yang mengandungi besi, zink, selenium, kalsium atau magnesium.

Sesetengah ubat mungkin berinteraksi dengan XOFLUZA dan mungkin menjejaskan kemujarabannya. Doktor dan ahli farmasi anda mungkin mempunyai lebih banyak maklumat tentang ubat-ubatan yang perlu diberi perhatian atau yang perlu dielakkan semasa pengambilan XOFLUZA.

Kenali ubat yang anda sedang ambil. Senaraikan ubat-ubat tersebut bagi memaklumkan kepada doktor dan ahli farmasi ketika menerima ubat baru.

Sila tanya doktor anda atau ahli farmasi jika anda tidak pasti mengenai sebarang ubat.

Cara menggunakan XOFLUZA

- **Dos yang harus digunakan**

Patuhi semua arahan yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti.

Ambil XOFLUZA seperti yang diberitahu oleh doktor atau ahli farmasi anda.

Doktor akan menetapkan dos tunggal XOFLUZA (yang mungkin lebih daripada satu tablet).

Ambil XOFLUZA dengan atau tanpa makanan.

- **Bila perlu digunakan**

Rawatan dengan XOFLUZA perlu dimulakan secepat mungkin, tetapi tidak melebihi 48 jam selepas simptom pertama influenza.

- **Berapa lama perlu digunakan**

XOFLUZA diambil sebagai dos tunggal, yang dimulakan dalam tempoh 48 jam selepas permulaan simptom.

- **Jika anda terlupa menggunakannya**

Ambil XOFLUZA sebaik sahaja anda teringat tetapi tidak melebihi tempoh 48 jam selepas simptom pertama influenza.

- **Jika mengambil berlebihan (terlebihi dos)**

XOFLUZA® FILM-COATED TABLET

Baloxavir marboxil (40mg)

Jika anda mengambil terlalu banyak XOFLUZA, segera ke unit kecemasan yang terdekat.

Semasa anda menggunakannya

- Perkara yang perlu anda lakukan

Sila beritahu doktor anda jika, atas apa jua sebab, anda tidak mengambil ubat anda tepat seperti yang telah dipreskripsi. Jika tidak, doktor anda mungkin berpendapat bahawa ubat itu tidak berkesan dan mengubah rawatan anda walaupun tidak perlu.

Sila beritahu doktor anda jika anda merasakan simptom anda menjadi semakin teruk selepas mengambil XOFLUZA.

- Perkara yang tidak boleh anda lakukan

Jangan berhenti mengambil XOFLUZA atau menukar dos tanpa merujuk kepada doktor anda terlebih dahulu.

Jangan berikan XOFLUZA kepada sesiapa pun, walaupun mereka mengalami keadaan yang sama seperti anda.

Jangan ambil sebarang ubat lain, tidak kira sama ada ia memerlukan preskripsi ataupun tidak, tanpa memberitahu doktor anda atau meminta nasihat daripada ahli farmasi terlebih dahulu.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati ketika memandu atau mengendalikan mesin sehingga anda tahu kesan XOFLUZA terhadap anda.

XOFLUZA tidak dijangka menjejaskan keupayaan anda untuk memandu kereta atau mengendalikan mesin.

Kesan sampingan

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi seberapa segera yang mungkin jika anda berasa kurang sihat selepas mengambil XOFLUZA.

XOFLUZA boleh menyebabkan kesan sampingan serius, termasuklah:

- Kesan alergi/alahan. Dapatkan bantuan perubatan kecemasan dengan segera jika anda mengalami sebarang tanda atau gejala tindak balas alahan:
 - Susah untuk bernafas
 - Ruam kulit, keradangan atau kulit melepuh
 - Bengkak muka, tekak atau mulut
 - Kepala terasa ringan atau pening

Kesan sampingan yang paling biasa daripada pengambilan XOFLUZA untuk rawatan selesema pada orang dewasa dan remaja termasuk:

- Cirit-birit
- Radang pada saluran paru-paru
- Loya
- Radang hidung
- Sakit kepala

XOFLUZA tidak berkesan dalam merawat atau mencegah jangkitan selain influenza. Jenis jangkitan lain boleh muncul seperti selesema atau berlaku bersama selesema dan mungkin memerlukan rawatan yang berlainan. Sila beritahu doktor anda atau ahli farmasi jika anda berasa lebih teruk atau mengalami simptom baharu semasa atau selepas rawatan dengan XOFLUZA atau jika simptom flu anda tidak beransur baik.

Ini bukan kesemua kesan sampingan XOFLUZA yang mungkin. Sila hubungi doktor anda untuk mendapatkan nasihat perubatan mengenai kesan sampingan.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npa.gov.my [Consumers-> Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) atau Vaccines (AEFI)]

Cara penyimpanan dan pelupusan XOFLUZA

- Penyimpanan

Simpan XOFLUZA dalam bungkusan asalnya untuk melindungi dari kelembapan, pada suhu di bawah 30°C.

- Pelupusan

Jika doktor anda memberitahu anda untuk berhenti mengambil XOFLUZA, atau kapsul telah melepasi tarikh luputnya, tanya ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan dengan kesemua tablet yang masih ada.

Penerangan Produk

- Rupa dan warna produk

Tablet XOFLUZA 40 mg berwarna putih hingga kekuningan, berbentuk bujur dan bersalut filem dengan cetakan tidak timbul "BXM40" pada satu sisi.

- Bahan-bahan kandungan

- **Bahan Aktif:**
baloxavir marboxil

- **Bahan Tidak Aktif:**
croscarmellose sodium, hypromellose, lactose monohydrate, microcrystalline cellulose, povidone, sodium stearyl fumarate, talc, titanium dioxide.

- Nombor MAL

MAL20046078ACRZ

Pengilang

Shionogi Pharma Co., Ltd, Settsu Plant, Osaka, Japan.

Pemegang Pendaftaran Produk

Roche (M) Sdn. Bhd.
Level 21, The Pinnacle,
Persiaran Lagoon, Bandar Sunway,
47500 Subang Jaya, Selangor,
Malaysia.

Tarikh kemas kini

28/01/2026
MYPILXofluza20260128CDS12.0 (BM)

Nombor Siri

NPRA (R1/2) 14032022/067
NPRA (R1/AI2)16042021/005